



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TAHAP KESEDIAAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
PELAKSANAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
MASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
SELANGOR, MALAYSIA***

NORLIZA BINTI MAT ALI

FPP 2016 34



**TAHAP KESEDIAAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
PELAKSANAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
MASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORLIZA BINTI MAT ALI

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

February 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sains

**TAHAP KESEDIAAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
PELAKSANAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
MASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORLIZA BINTI MAT ALI

Februari 2016

Pengerusi : Fadzilah Abd Rahman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Guru merupakan agen utama yang berperanan sebagai pelaksana apabila sesuatu inovasi pendidikan diperkenalkan. Salah satu inovasi pembelajaran yang sedang diberi perhatian ialah Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah. Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah untuk Bahasa Melayu masih kurang berbanding bidang yang lain. Kajian ini bertujuan melihat tahap kesediaan guru-guru Bahasa Melayu dari segi pengetahuan, kemahiran, dan sikap terhadap pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Aspek kewujudan kekangan dalam pelaksanaan pendekatan ini turut dikaji dalam melihat pengaruh kekangan terhadap tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pendekatan tersebut. Sampel kajian seramai 275 orang guru Bahasa Melayu daripada 43 buah sekolah menengah harian dalam Daerah Petaling Perdana, Selangor. Instrumen berbentuk soal selidik digunakan bagi melihat maklum balas responden. Teori Model Reflektif Wallace (1991) menjadi kerangka utama kajian. Dapatan kajian pula menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dan kekurangan dari segi pengetahuan dan kemahiran, namun guru-guru Bahasa Melayu menunjukkan sikap yang positif dan bersedia melaksanakan pendekatan ini sekiranya ada latihan dan kursus yang lebih mendalam. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dijangka dapat menjadi petunjuk kepada perancangan program latihan yang bersesuaian untuk guru-guru Bahasa Melayu. Penyelidikan ini juga mampu menjadi pendorong kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pendekatan yang lebih aktif dan koperatif berbanding pendekatan berpusatka guru seperti sebelum ini bagi melahirkan generasi yang berdaya saing di peringkat global dan memenuhi pasaran kerja alaf ke-21.

Kata kunci : Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah, kesediaan guru, guru Bahasa Melayu

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

THE LEVEL OF READINESS AMONG BAHASA MELAYU TEACHERS' TOWARDS THE APPROACH OF PROBLEM-BASED LEARNING IN TEACHING AND LEARNING AT SELANGOR, MALAYSIA

By

NORLIZA BINTI MAT ALI

February 2016

Chairman : Fadzilah Bt Abd Rahman, PhD
Faculty : Educational Studies

Studies are done on the readiness among Malay Language teachers because teachers are the main agents as executor when an innovation is introduced in education. Similarly, a study of the implementation of Problem Based Learning approach for Malay Language is still low compared to other area. The objective of the study is to examine the degree of readiness among Malay Language teachers in terms of knowledge, skills and attitude towards the implementation of this approach. It is also reviewed in view of constraints that influence the willingness of Malay Language teachers in the implementation of Problem Based Learning approach. A total of 275 samples of Malay Language teachers from 43 secondary schools in the district of Petaling Perdana, Selangor has been used. Questionnaires are used to get responses of the respondents. The discussion of the findings based on Reflective Wallace Model (1991), which became the framework for this research. The findings show that there are short comings in terms of knowledge and skills away from the Malay Language teachers. This showed a positive attitude willingness to implement Problem-Based Learning Approach if any training and in-depth courses on problem-based learning are called for. In conclusion, this study can be expected to guide the design of appropriate training programs for Malay Language teachers. This research could also be motivating for teachers to more active co-operative as in problem-based approach to create a generation that is competitive in the global labor and meet the 21st century requirement.

Keywords : Problem-based Learning, teachers readiness, Malay Language teachers.

PENGHARGAAN

“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
PENGASIH”

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya membolehkan saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pensyarah penyelia tesis saya iaitu Dr Fadzilah Abd Rahman dan Dr Shamsuddin Othman atas segala tunjuk ajar, perkongsian ilmu, perbincangan ilmiah dan penyeliaan yang telah dijalankan sepanjang proses penyiapan tesis ini. Tanpa sokongan dan bantuan kereka, kejayaan ini tidak akan tercapai.

Sekalung budi juga saya ucapkan kepada beberapa pensyarah Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan Prof. Dr. Mohd Majid Konting, Pengarah AKEPT Nilai yang banyak memberi peluang dan perkongsian ilmu dalam penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan biasiswa kepada saya untuk menampung sebahagian daripada pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Sejuta kasih buat keluarga tersayang iaitu Rosihan Ahmad suami tercinta yang sudi membaca, menyemak dan memberi pendapat sepanjang penulisan tesis. Buat anak-anak yang memahami iaitu Muhammad Idham, Lukman Hakim, Muhammad Ridhwan Iqmal, dan Amirul Syafiq yang banyak memberi sokongan, semangat, kekuatan dan doa dari kalian untuk meneruskan perjuangan ini. Tidakku lupakan ingatan dan pesanan daripada arwah ayah dan ibu iaitu hanya ilmu dan amal sahaja yang akan mengubah kita ke arah yang lebih baik.

Buat rakan-rakan sejawat, guru-guru yang terlibat sebagai responden, pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia, dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Jasa kalian akan dikenang selamanya. Sesungguhnya kejayaan ini datang daripada Allah s.w.t. dan tiap dugaan serta cabaran ada hikmah dibaliknya.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 24 Februari 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norliza binti Mat Ali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Tahap Kesediaan Guru Bahasa Melayu terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Selangor, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Aminuddin bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Tajularipin bin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Berhannudin Mohd Salleh, PhD

Profesor Madya
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fadzilah bt Abd Rahman, PhD.

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Shamsuddin Bin Othman, PhD.

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Purta Malaysia
(Ahli)



BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa;

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum teisi ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- Tiada plagiat atau pemalsuan data dalam tesis ini, dan intergrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No Matrik : Norliza Binti Mat Ali, GS32632

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan yang dijalankan dan penulisan tesis adalah di bawah pengawasan kami; dan
- tanggungjawab penyeliaan adalah dipatuhi seperti yang dinyatakan dalam Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013).

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Fadzilah bt Abdul Rahman

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Pensyarah Dr. Shamsuddin Bin Othman

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	7
1.7.1 Tahap Kesediaan Guru	7
1.7.2 Pengetahuan	8
1.7.3 Kemahiran	8
1.7.4 Sikap	8
1.7.5 Kekangan	9
1.7.6 Pendekatan	9
1.7.7 Pembelajaran berasaskan masalah (PBM)	9
1.8 Kesimpulan	10
2	
SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pengajaran dan Pembelajaran	11
2.2 Tahap Kesediaan Guru	12
2.3 Kajian Literatur tentang Kesediaan Guru terhadap Perubahan Pendidikan	13
2.4 Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	16
2.5 Teori Kajian	21
2.5.1 Teori Konstruktivisme	21
2.5.2 Teori Perubahan Pendidikan Fulan (2001)	22
Fasa 1	22
Fasa 2	23
Fasa 3	23
2.5.3 Teori Sikap ABC Eagly & Chaiken (1993)	23
2.5.4 Model Reflektif Wallace (1991)	24
2.6 Kerangka Konsep	25
2.7 Kesimpulan	26

3	METODOLOGI KAJIAN	27
3.1	Reka Bentuk Kajian	27
3.2	Populasi Kajian dan Persampelan Kajian	27
3.3	Lokasi Kajian	31
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Kesahan Instrumen	36
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	37
3.7	Kajian Rintis	37
3.8.	Tatacara Pengumpulan Data	37
3.9	Kaedah Penganalisan Data	38
3.10	Ringkasan Ujian Statistik	38
3.11	Kesimpulan	39
4	DAPATAN KAJIAN	40
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Latar Belakang Responden	40
4.2.1	Jantina, etnik, umur, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar	40
4.2.2	Kursus yang pernah dihadiri	42
4.3	Dapatan Analisis Statistik Deskriptif dan Inferensi	45
4.3.1	Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	45
4.3.1.1	Tahap pengetahuan Guru Bahasa Melayu Mengikut Konstruk	47
4.3.1.2	Analisis Berdasarkan Item Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu tentang Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah di Sekolah	50
4.3.2	Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	50
4.3.2.1	Tahap Kemahiran dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Mengikut Konstruk	52
4.3.2.2	Analisis Berdasarkan Item Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu tentang Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah di Sekolah	53
4.3.3	Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	54
4.3.3.1	Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Mengikut Konstruk	56
4.3.3.2	Analisis Berdasarkan Item Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pendekatan	59

	Pembelajaran Berasaskan Masalah di Sekolah	
4.3.4	Kekangan dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	60
4.3.4.1	Kekangan dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Mengikut Konstruk	63
4.3.4.2	Analisis Berdasarkan Item Tahap Kekangan dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah di Sekolah	66
4.4	Hubungan Antara Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Kekangan dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	67
4.5	Kesimpulan	69
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Rumusan Objektif Kajian	71
5.3	Rumusan Maklumat Latar Belakang Responden	72
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	73
5.4.1	Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	74
5.4.2	Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	75
5.4.3	Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	77
5.4.4	Kekangan yang Dihadapi oleh Guru-guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	79
5.5	Implikasi Kajian Terhadap Bidang Pendidikan	82
5.6	Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	82
5.7	Rumusan	84
	BIBLIOGRAFI	85
	LAMPIRAN	94
	BIODATA PELAJAR	133

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Jadual penentuan saiz sampel Krecjie & Morgan (1970)	29
3.2	Interpretasi skala tahap pengetahuan guru	32
3.3	Item tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang PBM	33
3.4	Interpretasi tahap pengetahuan guru Bahasan Melayu tentang PBM	33
3.5	Item tahap kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap PBM	34
3.6	Interpretasi Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBM	34
3.7	Item tahap kesediaan sikap guru bahasa melayu terhadap PBM	35
3.8	Interpretasi sikap guru Bahasa Melayu terhadap PBM	35
3.9	Item kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan PBM	36
3.10	Interpretasi kekangan terhadap pelaksanaan PBM	36
3.11	Ringkasan Ujian Statistik	39
4.1	Taburan responden mengikut jantina, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar	42
4.2	Taburan responden mengikut kursus/ latihan yang pernah dihadiri dalam tempoh dua tahun terkini	44
4.3	Kekerapan dan Peratusan Responden terhadap Item Tahap Pengetahuan Guru	46
4.4	Tahap pengetahuan guru berdasarkan konstruk matlamat	47
4.5	Tahap pengetahuan berdasarkan konstruk konsep	47
4.6	Tahap pengetahuan berdasarkan konstruk elemen	48
4.7	Tahap pengetahuan berdasarkan konstruk prosedur pelaksanaan	48
4.8	Tahap pengetahuan berdasarkan konstruk prosedur hasil pembelajaran	49

4.9	Kekerapan dan Peratusan Responden terhadap Item Tahap Kemahiran Guru	51
4.10	Tahap Kemahiran Dalam Pelaksanaan	52
4.11	Tahap Kemahiran Generik	52
4.12	Kekerapan Dan Peratusan Responden Terhadap Item Sikap Guru	54
4.13	Sikap Guru Terhadap PBM	56
4.14	Tahap Sikap Afektif Dalam Pelaksanaan PBM	57
4.15	Tahap Sikap Behavioral Dalam Pelaksanaan PBM	57
4.16	Tahap Sikap Kognitif Dalam Pelaksanaan PBM	58
4.17	Kekerapan Dan Peratusan Responden Terhadap Item Kekangan	61
4.18	Kekangan Dalam Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Di Sekolah	62
4.19	Tahap Kekangan Pentadbir Dalm Pelaksanaan PBM	63
4.20	Tahap Kekangan Pendedahan Atau Latihan Dalam Pelaksanaan PBM	64
4.21	Tahap Kekangan Prasarana Dalam Pelaksanaan PBM	64
4.22	Tahap Kekangan Masa dalam Pelaksanaan PBM	65
4.23	Tahap Kekangan Murid dalam Pelaksanaan PBM	65
4.24	Perbandingan Nilai Min Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Kekangan	68
4.25	Hubungan Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Kekangan dalam Melaksanakan PendekatanPBM	68

SENARAI RAJAH


Rajah		Halaman
2.1	Kerangka konsep	25
3.1	Pengiraan saiz sampel Krecjei & Morgan	30
3.2	Pengiraan saiz sampel berdasarkan Cochran	31
4.1	Peratusan kursus yang pernah dihadiri	44
4.2	Tahap pengetahuan tentang PBM berdasarkan konstruk	49
4.3	Tahap kemahiran dalam pelaksanaan PBM berdasarkan konstruk	53
4.4	Tahap sikap guru dalam pelaksanaan PBM	56
4.5	Tahap sikap dalam pelaksanaan PBM berdasarkan konstruk	59
4.6	Kekangan dalam pelaksanaan PBM di sekolah	63
4.7	Tahap kekangan dalam pelaksanaan PBM berdasarkan konstruk	66

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
1	Surat kebenaran EPRD	94
2	Surat kebenaran JPN	95
3	Surat kebenaran menggunakan soal selidik	96
4	Surat memohon kebenaran menjalankan kajian	97
5	Jadual taburan sampel mengikut sekolah menengah di daerah Petaling Perdana	98
6	Kebolehanpercayaan borang soal selidik kajian rintis	99
7	Borang soal selidik	116
8	Profil panel penyemak kesahan instrumen	123

SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBM	pembelajaran berasaskan masalah
PdP	pengajaran dan pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SP	sisihan piawaian
SPSS	Statistic packages for social science



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, diikuti dengan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, dan batasan kajian. Seterusnya perbincangan tentang definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini dan diikuti oleh rumusan kajian dalam bab ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa melalui proses transformasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menjamin tahap dan kualiti pendidikan negara berada pada tahap yang tinggi. Salah satu hasrat kerajaan adalah untuk menggerakkan pemikiran aras tinggi dan membangunkan potensi modal insan melalui pendidikan secara formal atau tidak formal. Sekolah berfungsi sebagai institusi perkembangan ilmu dan medan melahirkan modal insan yang seimbang. Guru-guru pula dianggap kelompok yang penting untuk melaksanakan aspirasi tersebut. Dalam memenuhi matlamat tersebut, guru-guru harus menguasai pelbagai pendekatan yang mampu menarik minat murid mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan.

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan salah satu inovasi dalam dunia pendidikan sejak mulai diperluaskan penggunaannya oleh Howard Barrows pada tahun 1960-an di McMaster University, Kanada. Bermula dengan bidang perubatan oleh Barrows ini, pendekatan PBM ini mula disusuli oleh bidang yang lain seperti Kimia oleh Don Wood dari universiti yang sama apabila didapati keberkesanan pendekatan ini yang banyak memberi reaksi positif oleh para pelajar (Zaharatul Laili, 2008).

Menurut Yahya Othman (2009) amalan PBM relevan untuk diimplimentasikan dalam semua bidang termasuklah bidang bahasa dan kemanusiaan. Sebagai salah satu pendekatan berpusatkan murid yang mengamalkan pembelajaran aktif dan kolaboratif, PBM didapati sesuai untuk semua tahap pendidikan dari sekolah rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Pendedahan kepada pendekatan PBM ini mampu membentuk murid yang berfikiran

Sejajar dengan kehendak UNESCO yang menegaskan bahawa pendidikan sepanjang hayat perlu diterapkan kepada semua generasi muda. Berdasarkan Laporan UNESCO (*Report Of The International Commission On Education For The Twenty First Centry*), pendidikan sepanjang hayat harus bertonggakkkan empat perkara iaitu : *'Learning to know'* (belajar untuk tahu); *'Learning to do'* (belajar untuk buat); *'Learning to live together'* (belajar untuk hidup bersama) dan *'Learning to be'* (belajar untuk menjadi), guru-guru perlu memikirkan cara terbaik dan berkesan untuk

menarik minat murid mengikuti pembelajaran. Menurut kajian yang dibuat oleh Ramlah Jantan (2004) mendapati sistem pendidikan banyak bergantung kepada guru, papan tulis dan buku teks dianggap tidak lagi sesuai dalam sistem pendidikan masa kini. Pendekatan berpusatkan guru dengan kaedah penyampaian berbentuk sehala dan tidak berpusatkan murid menghalang murid-murid mengembangkan prestasi pembelajaran mereka. Malah menurut Toh & Woolnough (1993), teknik pengajaran yang tidak mengikut perkembangan semasa memberikan kesan yang kurang menyenangkan kepada murid-murid dalam keputusan peperiksaan mereka. Pendekatan kuliah dan berpusatkan guru sepenuhnya dianggap tidak lagi relevan dengan matlamat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang berhasrat melahirkan generasi yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Buletin Anjakan Bil 5/2015). Pendekatan PBM merupakan salah satu pendekatan aktif dan kolaboratif yang sesuai bagi guru-guru Bahasa Melayu gunakan dalam menyahut cabaran membentuk generasi yang berkeترampilan dan berwibawa. Pendekatan PBM juga dilihat sebagai satu pendekatan yang bukan sahaja mampu mencorakkan generasi yang berpengetahuan malah berkemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam sebarang senario.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 , telah meletakkan harapan yang tinggi kepada guru dalam melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, berpengetahuan, dan mampu menjadi pemimpin selain mempunyai etika dan sahsiah yang tinggi. Kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengharapkan generasi yang dilahirkan oleh sistem pendidikan negara adalah generasi yang berkualiti dan mempunyai daya saing yang tinggi justeru guru-guru harus memainkan peranan sewajarnya dalam pengajaran dan pembelajaran (Buletin Anjakan Bil 3/2015). Maka, pendekatan yang sesuai dan mampu mencabar pemikiran murid seperti Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah amat sesuai dilaksanakan oleh guru-guru

1.2 Pernyataan Masalah

Dunia pendidikan semakin banyak perubahan terutama dari aspek pedagogi. Dari pendekatan tradisional yang berbentuk sehala dan berpusatkan guru, sehinggalah berubah kepada pendekatan aktif dan kolaboratif. Berdasarkan Buletin Anjakan Bil 5/2015, guru sekali lagi berdepan dengan perubahan bentuk pedagogi apabila pengajaran dan pembelajaran alaf ke-21 diperkenalkan bermula pada tahun 2014 yang lebih menekankan pada pembelajaran yang berpusatkan murid dan kemahiran belajar berkumpulan bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam melahirkan generasi yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan bekerja secara berpasukan.

Apa yang menjadi cabaran dalam inovasi ini, adakah guru benar-benar bersedia untuk menerima perubahan yang berlaku? Adakah guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran guru untuk melaksanakan pendekatan yang dicadangkan? Apakah

guru benar-benar faham dan menguasai pedagogi seperti pengajaran dan pembelajaran yang mementingkan penyertaan aktif dan kolaboratif murid-murid? Situasi begini mendorong kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada guru-guru bersedia untuk berubah kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah kerana menurut kajian Hairi Yahaya (2006), faktor kegagalan sesuatu inovasi adalah kesediaan guru diabaikan dan hanya menjalankan apa yang dirancang oleh perancang inovasi. Sedangkan guru adalah agen penggerak utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Habib Mat Som, 2005) dan aspek kesediaan guru adalah penentu kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi (N.S. Rajendran, 2001).

Kajian berkaitan pendekatan aktif dan kolaboratif seperti pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Bahasa Melayu amat kurang ditemui sepanjang pengkaji melakukan kajian ini. Hanya kajian yang dilakukan oleh Alifa Ismail (tahun tidak ditemui) terhadap penulisan karangan bagi murid Sekolah Menengah St. Andrews di Singapura sahaja yang ditemui. Kajian ini dilakukan bagi melihat sama ada pendekatan PBM menjadi salah satu pendekatan pilihan bagi guru-guru Bahasa Melayu atau tidak. Kajian ini juga dilakukan kerana pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan aktif dan kolaboratif masih menjadi persoalan. Beberapa kajian pengkaji sebelum ini mendapati guru-guru kelihatan selesa menggunakan pendekatan berpusatkan guru dengan aktiviti latih tubi dan pengajaran secara kuliah yang lebih bersifat sehalu (Robiah Sidin dan Nor Sakinah, 2007; Noorhidayah, 2005) Persoalan di sini, apakah guru tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pendekatan aktif dan kolaboratif seperti PBM? Dalam kajian ini aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan pendekatan PBM dikaji bagi melihat apakah situasi ini mempengaruhi kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini juga bertitik tolak daripada kekurangan kajian terhadap pelaksanaan pendekatan PBM seakan-akan menunjukkan kurangnya amalan guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan PBM. Hal ini dikuatkan lagi kajian terhadap pendekatan PBM lebih banyak dalam bidang Sains, Matematik dan bidang Teknikal berbanding bidang bahasa terutama Bahasa Melayu. Persoalannya apakah guru-guru Bahasa Melayu kurang terdedah kepada pendekatan PBM atau dipengaruhi oleh faktor dalaman guru itu sendiri yang menjadi penghalang kepada amalan guru Bahasa Melayu? Pendekatan PBM bukanlah bidang yang baru wujud di Malaysia. Sejak diperkenalkan oleh Barrows pada tahun 1960-an di Kanada, dan mula bertapak di Malaysia pada tahun 1980-an (Hussain Othman (2008); Mohd Ali Samsudin (2007), dan Edariah Abu Bakar (1993)) PBM banyak diamalkan di pusat-pusat pengajian tinggi berbanding di sekolah. Kekurangan kajian dilakukan terhadap amalan guru-guru terutama guru Bahasa Melayu dijadikan dasar kajian ini bagi melihat adakah kekurangan ini disebabkan kurangnya kesediaan guru di sekolah ataupun disebabkan oleh faktor-faktor lain. Kajian ini juga melihat sama ada semua pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini saling mempengaruhi atau tidak antara satu sama lain terhadap pelaksanaan pendekatan PBM dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Aspek kajian ini berdasarkan beberapa saranan pengkaji sebelum ini dalam melihat hubungan antara pemboleh ubah kajian (Norliza Brahim (2012); N.S. Rajendran (2001))

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab semua permasalahan yang timbul dalam perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran terutama kepada guru-guru Bahasa Melayu. Responden yang dipilih ialah guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah harian dalam Daerah Petaling Perdana memandangkan lokasi kajian adalah kawasan bandar dan telah banyak terdedah dengan kursus-kursus pembelajaran bestari (Norliza Brahim, 2012). Berdasarkan pendedahan yang diterima maka wajarlah kajian ini dilakukan bagi melihat sama ada guru-guru terlibat mempunyai kesediaan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk melaksanakan pendekatan PBM.

1.3 Objektif Kajian

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam Daerah Petaling Perdana, Selangor terhadap pelaksanaan pendekatan PBM sebagai salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.

Secara khususnya, objektif kajian ini bertujuan:

1. Mengetahui pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah.
2. Mengetahui kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah.
3. Mengetahui sikap guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
4. Mengetahui kekangan yang ada dalam pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah di sekolah.
5. Mengetahui hubungan pengetahuan, kemahiran, sikap guru-guru Bahasa Melayu dan kekangan dalam pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian di atas, pengkaji membentuk beberapa persoalan kajian tentang aspek yang berkaitan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di beberapa buah sekolah menengah harian dalam daerah Petaling Perdana. Antara persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?

- 2 Apakah tahap kemahiran guru untuk melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?
- 3 Apakah sikap guru terhadap pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah sebagai salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?
- 4 Apakah kekangan yang ada dalam pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?
- 5 Apakah hubungan antara pengetahuan, kemahiran, sikap dan kekangan dalam pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan agar dapat menyumbang maklumat yang bermanfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan dalam merangka inovasi dalam pendidikan.

1.5.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini diharapkan dapat membantu KPM, dan PPK dalam usaha mengubah sistem pendidikan negara yang berteraskan peperiksaan semata-mata selaras dengan perkembangan pendidikan dunia. Berdasarkan Buletin Anjakan Bil 5/2015, dan Buletin Anjakan Bil 3/2015 kerajaan, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) terutama dalam Anjakan Pertama iaitu Menyediakan Kesamarataan Akses kepada Pendidikan Berkualiti Bertaraf Antarabangsa yang mahukan pelajar yang menguasai ilmu secara maksimum dan mampu berfikir aras tinggi. Kajian ini bertujuan memberikan alternatif kepada penggubal dasar pendidikan negara dalam memperkenalkan sistem pendidikan atau merangka modul pengajaran untuk guru-guru terutama guru Bahasa Melayu. Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah sekiranya dilaksanakan sepenuhnya mampu melahirkan generasi yang berupaya menganalisa maklumat, berfikir secara kritis dan mengaplikasikan ilmu secara kreatif sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan dalam anjakan pertama PPPM. Apatah lagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang akan disemak semula pada tahun 2017, mungkin kajian ini berguna dalam mempertimbangkan sebarang pindaan terhadap sistem pembelajaran yang sedia ada. Dapatan kajian ini diharapkan dapat mengurangkan kekangan-kekangan yang timbul dalam merangka strategi penyelesaian bagi membolehkan sesuatu inovasi dapat diterima dan dilaksanakan oleh guru-guru dengan lebih berkesan.

Melalui kajian ini, pihak berkenaan juga boleh mengambil tindakan membuat refleksi tentang keberkesanan sistem pendidikan sekarang dalam mencapai kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Dalam ketiga-tiga dokumen ini mempunyai matlamat yang jelas untuk melahirkan

generasi yang berkualiti dan modal insan yang berkelas dunia, namun akibat kekangan masa dan tekanan peperiksaan maka matlamat tersebut tidak berjaya sepenuhnya kerana masalah kesediaan guru untuk melaksanakannya (Norliza Brahim, 2012).

1.5.2 Institusi Pendidikan

Di peringkat sekolah, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah meningkatkan tahap keprofesionalan guru Bahasa Melayu dengan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan pedagogi terkini dan menjurus kepada keperluan melahirkan pelajar yang berkemampuan berfikir secara kritis dan kreatif serta mampu berdaya saing. Melalui dapatan kajian pihak sekolah juga boleh menyediakan ruang dan peluang untuk pelaksanaan pembelajaran aktif dan kolaborasi agar dapat melaksanakan pembelajaran berkesan seperti PBM dengan menyediakan kemudahan bahan pembelajaran seperti sumber rujukan mencukupi dan kemudahan infrastruktur pembelajaran yang mencakupi kemudahan peralatan teknologi pendidikan berupa komputer dan kemudahan internet.

1.5.3 Guru-guru

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat awal untuk mengenal pasti kesediaan guru untuk melaksanakan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru sebenarnya terlibat secara langsung dalam menjayakan matlamat pendidikan tetapi sentiasa berhadapan dengan halangan masa dan tugasan lain yang membantutkan hasrat mereka. Maka, kajian ini sekurang-kurangnya menyedarkan guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah tentang pelbagai pendekatan lain yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Diharapkan guru cekap dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam menangani masalah pembentukan konsep dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta melakukan pemulihan dan pengayaan kepada murid yang memerlukan.

Melalui kajian ini juga menyediakan satu alternatif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menarik dan aktif berbanding pembelajaran tradisional yang lebih pasif. Dalam pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, guru cuma memberikan masalah yang sesuai seterusnya menggalakkan pelajaranya meneroka maklumat mencari penyelesaian. Guru hanyalah bertindak sebagai fasilitator sahaja bukannya pemberi maklumat.

1.5.4 Pelajar

Kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar melaksanakan pembelajaran aktif, sendiri dan memupuk sikap berdikari dalam meneroka ilmu dan kemahiran sepanjang tempoh pengajian mereka di sekolah menengah. Pelajar-pelajar juga dapat menimba pelbagai ilmu melalui aktiviti pengkajian dan pembacaan yang dilakukan sepanjang pembelajaran. Kesediaan guru untuk melaksanakan PBM akan

mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan dan mampu mencungkil bakat kepemimpinan dan juga meningkatkan tahap kognitif pelajar. Di samping itu, melalui kemahiran penyelesaian masalah yang diterapkan oleh guru-guru akan membolehkan para pelajar memahami masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka seterusnya mampu menyelesaikan masalah secara terancang. Para pelajar juga akan mampu menjadi modal insan yang berkualiti kepada negara dan menjadi harapan kepada majikan kelak untuk meningkatkan kualiti syarikat.

1.6 Batasan Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada kesediaan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah di sekolah menengah harian dalam daerah Petaling Perdana, Selangor. Kajian deskriptif ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu demografi, pengetahuan, kemahiran, sikap dan kekangan. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif iaitu pengkaji melihat nilai min dan peratusan yang diperolehi dan inferensi iaitu kolerasi untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah dalam melihat kesediaan guru.

1.7 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa konsep yang perlu diberi definisi khusus berdasarkan konteks kajian ini. Berikut adalah beberapa istilah yang menjadi asas kepada kajian ini:

1.7.1 Tahap Kesediaan Guru

Thorndike (1913) menyatakan kesediaan ialah persiapan seseorang yang perlu ada sebelum melakukan sesuatu seperti belajar. Kesediaan mengikut Kamus Dewan (2005), pula merujuk kepada kesanggupan seseorang. Manakala bagi Habib Mat Som (2005), kesediaan guru merujuk kepada kesanggupan seseorang untuk memikul tanggungjawab sebagai guru yang berpengetahuan, dan guru yang berkemahiran. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru adalah kesanggupan guru-guru Bahasa Melayu sebagai guru berpengetahuan dan berkemahiran untuk melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Norliza Brahim (2012), Rosnaini Mahmud (2006), Nor Azilah Husin (2005), Mohd Rasdi Saamah (2003), meletakkan pemboleh ubah untuk kesediaan guru ialah pengetahuan, kemahiran dan sikap. Xuejin Lu (2005), menganggap kesediaan guru lazimnya akan dinilai oleh seseorang guru itu sendiri melalui perasaan atau persepsi mereka terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Manakala Raja Maznah Raja Hussin (2008), berpendapat kesediaan guru merupakan persiapan dan keyakinan seseorang guru dalam menyampaikan pengetahuan dan membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran. Persiapan ini seharusnya melibatkan faktor mental, fizikal, dan spiritual. Aspek mental merujuk kepada pengetahuan, aspek fizikal adalah

melibatkan kemahiran dan aspek spiritual pula berkait dengan sikap seseorang guru dalam melaksanakan sesuatu perkara. Berdasarkan pendapat pengkaji sebelum ini, kajian ini juga menggunakan pemboleh ubah yang sama iaitu melihat aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan PBM dalam kelas.

Dalam kajian ini, kesediaan merujuk kepada kesediaan atau kesanggupan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan pendekatan PBM sebagai salah satu alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah untuk melahirkan generasi yang mampu menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif sesuai dengan tuntutan kehidupan sebenar.

1.7.2 Pengetahuan

Kamus Dewan (2005), mendefinisikan pengetahuan sebagai perihal mengetahui tentang sesuatu perkara. Dalam kajian ini pengetahuan adalah kefahaman guru-guru Bahasa Melayu tentang pendekatan PBM dari segi matlamat, konsep, ciri-ciri dan prosedur pelaksanaan PBM. Alagesan (2012), menjelaskan guru harus mempunyai ilmu pengetahuan dan tahap kesediaan yang tinggi memandangkan guru adalah pemudah cara yang penting dalam proses pembelajaran.

1.7.3 Kemahiran

Habib Mat Som (2006), menegaskan bahawa aspek pengetahuan dan kemahiran seseorang guru amat penting dalam kajian kesediaan guru dan keberkesanan sesuatu perubahan. Pengetahuan dan kemahiran pada guru adalah kayu pengukur dalam keupayaan mereka untuk melaksanakan sesuatu pembaharuan dalam pendekatan pembelajaran yang bukan kebiasaan bagi mereka. Aspek kemahiran dalam kajian ini melihat dari sudut kemahiran prosedural dan kemahiran generik dalam pelaksanaan pendekatan PBM.

1.7.4 Sikap

Menurut Eagly dan Chaiken (1993) sikap adalah kecenderungan psikologi yang terbentuk apabila menilai sesuatu sama ada secara positif atau negatif. Mayer (2005) merujuk sikap sebagai penilaian individu terhadap sesuatu perkara sama ada memberikan reaksi positif atau negatif tentang perkara yang dialaminya. Habib Mat Som (2005) dalam kajiannya bersetuju sikap akan memberi banyak impak kepada keberkesanan dan kesediaan guru untuk melakukan perubahan dan pencapaian matlamat pendidikan. Sikap menentukan sama ada guru akan menerima atau tidak sesuatu perubahan pendidikan yang akan dilakukan. Pandangan ini dipersetujui oleh Zulkifli Mohamed (2009) yang menegaskan bahawa sikap akan mempengaruhi cara seseorang berfikir dan bertindak terhadap persekitarannya. Beliau juga mentafsirkan sikap sebagai longgokan pengetahuan terhadap sesuatu perkara yang akan mempengaruhi tindakan secara positif atau negatif.

Dalam kajian ini, sikap yang ingin dilihat adalah reaksi dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan PBM di sekolah.

1.7.5 Kekangan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, kekangan bermaksud halangan atau sesuatu yang mengekang kepada berlakunya sesuatu perkara. Dalam kajian ini kekangan merujuk kepada faktor penghalang kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pendekatan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Antara aspek kekangan yang dilihat dalam kajian ini ialah faktor pentadbir, pendedahan atau latihan, prasarana, masa, dan murid.

1.7.6 Pendekatan

Pendekatan merujuk kepada gambaran umum atau merangkumi keseluruhan aspek pengajaran yang dilaksanakan berasaskan teori atau generalisasi tertentu. (Esah Sulaiman, 2004) Pendekatan berfungsi sebagai aspek yang mendasari pengajaran yang berkait dengan usaha untuk mendekati atau memulakan pengajaran seperti pengajaran bahasa. Adenan Ayob (2012) dan Zamri Mahamod (2012) menyifatkan pendekatan sebagai cara seseorang guru menyampaikan isi pembelajaran berdasarkan objektif pembelajaran dan berkait dengan teori, prinsip atau model pembelajaran yang dipilih oleh guru. Antara contoh pendekatan ialah pendekatan masteri, kontekstual, koperatif, dan kolaboratif.

Dalam konteks kajian ini, konsep pendekatan bermaksud cara atau langkah pengajaran guru Bahasa Melayu dalam kelas. Kebijaksanaan guru dalam mengaplikasikan konsep pendekatan akan menghasilkan sesi pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan dan menarik minat murid untuk meneruskan pembelajaran dan mendapat imput yang benar-benar bermanfaat.

1.7.7 Pembelajaran berasaskan masalah (PBM)

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau PBL (*Problem Based Learning*) yang diperkenalkan oleh Howard Barrows adalah satu pendekatan yang menggunakan masalah sebenar yang relevan dan bermakna sebagai fokus pembelajaran. Barrow & Tamblin (1980) menyatakan bahawa Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) adalah satu kaedah pembelajaran yang menggunakan permasalahan sebenar atau situasi sebenar sebagai fokus pembelajaran dan masalah tersebut berlegar dalam kehidupan murid dan dalam jangkauan murid untuk menyelesaikannya. Seterusnya murid akan membuat pengkajian dan penerokaan maklumat melalui gerak kerja berkumpulan. Setiap jawapan yang diperoleh hasil penerokaan ini adalah terbuka dan diterima oleh semua ahli kumpulan. Dalam proses pembelajaran ini, guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara sahaja. Guru akan menjadi penggerak atau pencetus kepada proses pembelajaran. Selebihnya murid yang akan melaksanakannya. Tetapi guru-guru perlu menyediakan

masalah yang relevan untuk diselesaikan dan dalam jangkauan kemampuan murid untuk melakukan penyelesaian.

Secara ringkasnya PBM ini adalah satu pendekatan pembelajaran secara berkumpulan atau kolaboratif yang mementingkan proses pembelajaran dan bukannya hasil pembelajaran. Setiap ahli yang diberi peranan dan tugas mempunyai tanggungjawab untuk menjayakan proses penyelesaian masalah bagi mencapai matlamat kumpulan. Setiap proses penyelesaian masalah yang dilaksanakan akan dinilai dan diterima untuk dibentangkan kepada seluruh ahli dalam kelas. Guru hanya membimbing dan menilai setiap proses pembelajaran yang dilakukan. Akhirnya pendekatan PBM ini dilihat mampu menjadi suatu kaedah yang mampu merangsang pembelajaran murid dalam menghadapi cabaran alaf ke-21.

1.8 Kesimpulan

Kajian tentang tahap kesediaan guru amat penting dilakukan bagi menjamin sesuatu inovasi pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Menurut Railsback (2002), guru-guru yang kurang bersedia akan menghadapi masalah untuk melaksanakan inovasi kerana bagi mereka sesuatu perubahan adalah beban baharu kepada mereka. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menambah sumber rujukan dan panduan kepada pihak yang berkenaan dalam menyediakan kursus profesionalisme di samping menyedarkan guru bahawa masih terdapat banyak lagi pendekatan menarik dan sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, Ibrahim.(2004). ‘ *Pembelajaran berpusatkan pelajar danKaitannya dengan pembangunan diri dan peluang pekerjaan*’. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan.
- Abd. Fatah Hasan.(2003). *Pengenalan falsafah pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Abdul Rahim Abd. Rashid. (2007). *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Hamdan.(2011). *Falsafah dan Pemikiran Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.3,Bil.2 (Nov.2013): 49-63
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, dan Sufiza Ishak. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.3, Bil 1:42-51.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Alagesan A/L Ambikapathy. (2012). *Sikap, Kemahiran dan Halangan dalam Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia*. Tesis Sarjana Sains.Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Alifa Ismail (Tidak diketahui). Kajian Pengajaran : PBL dalam Penulisan Karangan Ekspositori. Jurnal atas talian <http://www.malay languagecentre.moe.edu.sg/> 1 Februari 2016
- Anderson, S.E. (2010). *Moving change: evolutionary perspectives on educational change*. *Second International Handbook of Educational Change*, 23: 65-84
- Atan Long. (1998). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Wahid. (2012). *Sosiologi dan Falsafah Pendidikan di Malaysia*. Open University Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Badrul Hisham Hj. Alang Osman. (1998). *Kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik berbantuan komputer (PPBK) di sekolah menengah*. (atas talian) <http://motivasiutusan.4mg.com/kerja1.html> (20 April 2013)
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2007). *Project-Based Learning Handbook: "Educational the Millennial Learner"*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barrows, H. S. Tamblyn, R. M. (1980). *Problem-based learning*. New York: Springer.
- Barrow, H.S. & Tamblyn, R.M. (1980). *Problem –based learning: An approach to medical education*. New York: Springer.
- Buletin Anjakan Bil 5/2015. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Buletin Anjakan Bil 7/2015. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chua, Y.P.(2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Charles, R., & Lester, F.(1982). *Teaching problem solving: What, why & how*. Palo Alto: Dale Seymour Publications.
- Cochran, W.G. (1977). *Sampling Techniques*, Third Edition. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education (6th ed.)*. London: Routledge.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative, and qualitative research (3rd edition)*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice
- Cronbach, L. (1951). *Coefficient alpha and the internal structure of tests*. *Psychometrika* 16, pp.297-334.
- Cronbach, L. J. (1955). *The Meaning of Problems*. In J. M. Seidman (Ed.), *Reading in Educational Psychology* (pp. 193-201). Boston: Houghton Mifflin Co.
- Daniel I.Kain. (2003). *Problem-Based Learning for Teacher, Grades K-8*. USA: Pearson Education inc.
- David M. Kaufman. (1998). *PBL: Using cases to teach about how to deal with ethical problems*. Artikel atas talian [https://courses.washington.edu/uconj540/Readings/PROBLEMBASED% 20 LEARNING%202.pdf](https://courses.washington.edu/uconj540/Readings/PROBLEMBASED%20LEARNING%202.pdf) (13 Mac 2014 : 12.37AM)

- Donna Walker. (2004). *What every Teacher Should Know About Effective Teaching Strategies*. California: Corwin Press.
- Edariah Abu Bakar. (1993). Problem-based Learning as a thinking- learning strategy in the faculty, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Konvensyen antarabangsa. Kecemerlangan berfikir: Pendidikan untuk kecemerlangan berfikir ke arah pembangunan manusia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Eagly, A. & Chaiken.S. (1993). *The psychology of attitudes*. Fort Worth, TX: Harcourt Brace Jovanovich.
- Erman H., dan rakan-rakan. (2010). *Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Prosiding Seminar Teknologi Maklumat 2010 KYM International 27 Oktober 2010. Jurnal atas talian:<http://ftmk.utem.edu.my/zaki/VolumeII/PENULISAN%20DAN%20PENERBITAN/4.2/Prosiding/4.2.4.pdf>
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Everett Rogers. (1995). *Diffusion of innovations*. Jurnal atas talian <https://web.stanford.edu/class/symsys205/Diffusion%20of%20Innovations.htm>
- Fullan, M. & Suzanne Stiegelbauer. (2001). *The Meaning of Education Change* (3rd. Ed.) New York: Teacher College Press.
- Gay, L.R., Mills, G.E., & Airasian,P. (2009). *Educational research: Competencies for analysis and applications (9th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Graff, E.D. & Kolmos A. (2003). *Characteristic of Problem Based Learning*, Great Britain: TempusPublication. Int. J. Engag. Ed. 19 (5) : 657-662.
- Habib Mat Som, (2005). *Profil Kesediaan Guru Sekolah Menengah terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum*. Tesis PhD. Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Hairi Yahya. (2006). *Persepsi Guru terhadap Perubahan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Hall, G.E. & Hord, S.M. (2011). *Implementing change: Pattern, principles and potholes*. 3rd Edition. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Howard s. Barrows, Wee Keng Neo, Lynda. (2007). *Principles and Practice of a Problem Based Learning*. Singapura: Pearson Prentice.

- Husin @ Ibrahim Mamat. (2007). *Pemimpin Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Othman dan Rakan-rakan. (2009). *PBL: Pembangunan Komuniti Lestari*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- Hussain Othman dan Rakan-rakan. (2008). *Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBM dan PBMBP) bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar*. Journal of Human Capital Development No.1 June-December 2008. Jurnal atas talian: [http://myais.fsktm.um.edu.my/8397/1/08/\(61-73\)pdf](http://myais.fsktm.um.edu.my/8397/1/08/(61-73)pdf)
- Ian Mc Gill, Anne Brockband. (2004). *The Action Learning Handbook*. London: Routledge Falmer.
- Jamal@Nordin Yunus dan Rakan-rakan. (2011). *Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Pearson Custom Publishing.
- Kamus Dewan edisi keempat.(2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1996). *Penguasaan Kemahiran Membaca, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. (2001). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003) *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad. (2008) *Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen Komsas Bahasa Melayu*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Khoo Yin Yin dan Zakaria Kassim. (2005). *Pembelajaran Penyelesaian Masalah secara Kaedah kolaboratif dengan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan pelajar Tingkatan Enam*. Prosiding Seminar Pendidikan Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Guru 2005; Pendidikan untuk pembangunan lestari. Anjuran bersama USM dan JPPG.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activity*. Educational and Psychological Measurement. 30 (3) 607-610.
- Krulik, S., & Rudnick, J.A. (1989). *Problem Solving: A handbook for Senior High School Teachers*. Massachusetts: Allyn and Bacon
- KUiTTHO. (2005). 'Problem-Based Learning'. Buletin Pusat Pengajaran dan Pembelajaran. Vol 4.Pg 5.

- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. September 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lieberman, A. & Miller, L.(2004). *Teacher Leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Lilia, h., & Norlena, S. (2000). *Orientasi akademik: Pendekatan alternatif dalam program pendidikan guru siswazah di Malaysia*. 56 , 47-64.Akademika.
- Lynda Wee. (2004). *Jump Start Authentic Problem Based Learning*. Singapura: Prentice Hall
- Maizura Yasin. (2010). *Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan Satu*. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mc Brien,J.L. & Brandt, R.S.(1997). *The Language of learning: A guide to education terms*. Alexandra VA: Association for Supervision And Curriculum Development.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar.(1999). *Penyelidikan pendidikan (m.s.35)* . Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman, dan Lilia Halim, (2007) . *Kesan Penggunaan Perancahan Kognitif dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Strategi Peikiran Saintifik dan Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik*. Jurnal Pendidikan, 27 (1). pp. 101-117. ISSN 01265261.
- Mohd. Izham Mohd Hamzah & Noraini Attan (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Jurnal Teknologi, 46(E) Jun 2007: 45-60
- Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji. (2014). *Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol.4, Bil. 1 (Mei 2014): 48-58
- Mohd Khairuddin Jamaluddin. (2005). *Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Teknologi Berasaskan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan, Bangi.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yunus Noor.(1996). *Psikologi Belajar dan Teknik Belajar yang Berkesan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof, K. Syed Hassan, S.A.H.(2005). *Cooperatif Learning and Problem Based Learning: An Introduction, Active Learning Task Force*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Morris, D. (2010). *Are teachers technophobes? Investigating professional competency in the use of ICT to support teaching and learning*. Journal of Procedia Social and Behavioral Sciences 2. 4010-4015.
- Nirwana Mohd Rashid. (2013). *Profil Kesiediaan Guru Sekolah Rendah Kluster terhadap Pendidikan Pintar Cerdas*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Nor Azilah Husin. (2005). *Teachers Perceived Readiness in using English for Teaching Mathematic and Science*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Tidak diterbitkan.
- Noriati A. Rashid dan Rakan-rakan. (2012). *Falsafah Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norliza Hj Brahim. (2012). *Kesiediaan Guru Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek di Sekolah*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Tidak diterbitkan.
- Noorhidayah Abdul Kasim. (2005). *Amalan Penggunaan Pendekatan Pengajaran oleh Pensyarah jabatan Kejuruteraan Awam di Politeknik*. KUiTTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan (atas talian) http://www.ps.uthm.edu.my/.404_amalanpendekatanpengajaranolehpensyarah. (22 Mac 2013)
- Norsyahidan Mohd Yusof. (2004). *Keberkesanan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah berbanding Kaedah Pembelajaran Konvensional di KUiTTTHO bagi Mata Pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya*. Tesis Sarjana Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Kejuruteraan KUiTTTHO. (atas talian) <http://www.kuittho.edu.my/ps/educational/norsyahidan> (22 Mac 2013)
- N.S. Rajendran. (2008). *Teaching & Acquiring High-Order Thinking Skills: Theory & Practice*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oon- Seng Tan. (2004). *Enhancing thinking through problem based learning approaches: International perspectives*. Singapore: Thomson.
- Oon-Seng Tan. (2007). *Problem-based Learning in eLearning Breakthroughs*. Singapore: Thomson Learning.
- Ornstein, A.C. & Hunkins, F.P. (2009). *Curriculum foundation, principles and issues*. 5th Edition. Boston: Allyn & Bacon
- R.Abdul Latif, N.S Hasan Amin dan Z.Che Amin, (2010). *Persepsi Institusi Pengajian Dan Industri Terhadap Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Secara Work Based Learning (WBL)*, Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan teknikal

- Raja Maznah Raja Husin dan Norizan Ahmad. (2008). *Pengintergrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran adakah kita sudah sedia?*. Proseding Seminar di Konvensi Teknologi Pendidikan ke17, Pulau Pinang.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004). *Psikologi Pendidikan : Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Rasyidah Bte Sulong. (2002). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Senireka Fesyen Bagi Kursus Seni Reka Fesyen Di Politeknik Johor Bahru*. KUiTTHO: Tesis sarjana Pendidikan
- Robiah Sidin. (2002). Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi. Dlm. Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak (pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan di Institusi Pengajian Tinggi*, hlm. 1-12. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamed. (2007). ICT dalam pendidikan: Prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal pendidikan Malaysia*, 32:139-152
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Rosnaini Mahmud.(2006). *Secondary school teachers basic ICT readiness*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Salha Mohamed Hussain. (2014). *Proceeding of the Global Summit on Education,GSE 2014, 4-5 March 2014: Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*.Malaysia: Kuala Lumpur.
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis doktor falsafah yang belum diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd. Zohir Ahmad. (2006). *Pedagogi: Strategi & Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali, Ramlah Jantan. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Suria Salim, (2001). *Pendekatan Bestari: Kefahaman dan Kesiediaan Guru Bestari memnghadapi perubahan*. Tesis sarjana pendidikan. Univeraiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.

- Suwarnee Mohd. Solah. (2006). Persepsi Terhadap Kesiapan dan Tahap Penggunaan TMK dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tobin.K.,& McRobbie,C.J. (1996). Cultural myths as constraints to the enacted science curriculum. *Science Education*,80(2), 223-241.
- Toh, K.A. & Woolnough, B.E. (1993). Middle school pupil's achievement in laboratory investigations : explicit versus tacit knowledge. *Journal of research in Science Teaching*, 30(5), 445-457.
- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod, dan Jamaludin Badusah. (2011). *Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Volume 1, Bil.2 (Nov. 2011): 71-84
- Wallace, M.J. (1991). *Training Foreign Language Teachers a Reflective Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wiersma,W. (2000). *Research methods in education: An introduction. (7th edition)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Woolnough, B.E. (1993). Factors affecting students' choice of science and engineering. *International Journal of Science Education* 19(6), 659-676
- Xuejin Lu. (2005). *Teacher quality and teacher preparedness in secondary public school: Evidence from SASS 1999-2000*. Bahan atas talian yang dilayari pada 23 September 2013.<http://www.wmich.edu/leadership/proposals/Kim%20%20final%20Dissertation.pdf>
- Yahya Othman, Roselan Baki, Naffi Mat. (2009). *Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu dari Teori ke Praktikal*. Kualan Lumpu:. Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2012). *Pengaruh Profesionalisme Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal atas talian. <http://yahyaothman.blogspot.com/2012/08> yang dilayari pada 15 mac 2013 11.00 malam.
- Yong Siew Kern, (2008). Hubungan antara pengetahuan kognitif terhadap penyelesaian masalah di kalangan pelajar Tingkatan 4. Tesis sarjana pendidikan psikologi. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. (2005). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina di Luar Kelas*. Jurnal Pendidikan Jilid 31. m/s 55-58.

Zamri Mahamod. (2011). *Memperkasa Guru, Mempercepat Pelajar: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad ke-21*. Ucaptama Seminar Bahasa Melayu 2011. (Bahan atas talian) http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS_Gallery/seminar2011/ucaptama%20odr%20zamri%20finalmain%20speaker.pdf

Zaharatul Laili Abdul Rahim. (2007). *Pembelajaran Berasaskan Masalah bagi Subjek Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.

Zuraida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros, dan Mohd Ali Samsudin. (2005). *Kaedah mengajar sains: panduan guru memahami strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi konsep-konsep sains*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Zurainu Mat Jasin dan Adull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol.2, Bil.1 (Mei 2012): 79-92.